

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perkahwinan adalah suatu ikatan yang terbentuk antara lelaki dan perempuan yang berlandaskan syariat Islam¹ dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam melalui lafaz akad nikah yang sah bagi menjalani sebuah kehidupan berumah tangga iaitu sebagai suami isteri. Pensiaryatan perkahwinan dalam Islam adalah bertujuan untuk melahirkan dan mengembangkan zuriat manusia dengan cara yang halal² sebagai satu penyambung keturunan dan mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia juga di akhirat kelak.

Perkahwinan sebagai suatu bentuk hubungan manusia yang paling agung kerana menuntut adanya tanggungjawab secara timbal balik di antara kedua belah pihak, suami ataupun isteri, dan juga merupakan suatu bentuk perjanjian.³ Dikatakan hubungan manusia yang paling agung antara lain kerana perkahwinan merupakan suatu akad atau perjanjian yang tidak hanya sekadar merapatkan hubungan dua pihak secara individual antara suami dan isteri, namun lebih jauh daripada itu dapat mempererat lagi hubungan antara keluarga pihak suami dan keluarga pihak isteri. Ini bertujuan untuk melangsungkan zuriat yang terdapat aspek ibadah di dalamnya, dan dalam ikatan perkahwinan tersebut kedua belah pihak menggunakan nama Allah SWT sebagai penguat ikatan tersebut. Oleh kerananya, perkahwinan disebut juga sebagai *mithāqan ghalīẓan* atau ikatan yang sangat kuat.

¹Umar Sulayman al-Ashqar, *Qanun al-Ahwal al-Shakhsyiyah al-Urduni*(Jordan: Dār al-Nafa'is li Nasyr wa al-Tawzi', 2006), 31.

²*Ibid.*, 33.

³Sulaiman Rasyid, *Fiqh Islam* (Bandung: Sinar Baru Al-Gesindo, 2002), 374.

Menurut Undang-Undang Perkawinan Nomor 1 tahun 1974, perkawinan ialah ikatan lahir batin antara seorang pria dengan seorang wanita sebagai pasangan suami istri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa.⁴

Dalam sebuah perkahwinan, perempuan tidak boleh mengahwinkan dirinya sendiri melainkan perlu menyerahkannya kepada pihak walinya, kecuali pihak perempuan tersebut janda. Bahkan seorang ayah berhak memaksa anak perempuannya meskipun anak tersebut tidak menyetujui pilihannya. Ia dikenali dengan istilah *wali mujbir*, yaitu wali yang mempunyai hak memaksa.⁵ Hal ini menimbulkan pemahaman umum bahawa Islam membenarkan kahwin paksa. Dalam masyarakat juga, telah menjadi kepercayaan secara turun temurun dan menjadi ajaran di luar keagamaan, jodoh lelaki di tangan Tuhan dan jodoh perempuan di tangan orang tua.⁶ Terdapat banyak kes yang berlaku dalam masyarakat mengenai rosak atau hancurnya sebuah kehidupan rumah tangga yang berlatarbelakangkan oleh kesalahan dalam memilih atau menentukan pasangan hidupnya. Akibatnya, kehidupan berkeluarga secara normal pun gagal diwujudkan. Sebaliknya yang terjadi adalah sebuah kehidupan rumah tangga yang diwarnai oleh ketidakharmonian.

Menurut Pera Soepriyanti (2008), gejala kegagalan dalam melangsungkan perkahwinan antara lainnya adalah disebabkan oleh perbezaan calon pasangan yang hendak melangsungkan perkahwinan dan pihak-pihak keluarga seperti orang tua, yang menilai sekiranya kedua calon pengantin tidak sepadan, tidak sejajar dengan

⁴Undang-undang R.I Nombor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam, cet. 2 (Yogyakarta: Pustaka Yustisia, 2009), 7.

⁵Kamal Mukhtar, *Asas- asas Hukum Islam Tentang Perkawinan* (Jakarta: Bulan Bintang, 1993), 100.

⁶Husein Muhammad, *Fiqh Perempuan, Refleksi Kiyai atas Wacana Agama dan Jender* (Yogyakarta: LKIS, 2002), 78.

status sosial, dan sebagainya. Atau salah satu pihak sebelumnya berada dalam keadaan terpaksa akibat dipaksa oleh keluarga atau orang tuanya, yang kemudian dikenali dengan istilah “pemaksaan perkahwinan” atau “perkahwinan yang dijodohkan”. Begitu pula dengan alasan-alasan yang digunakan oleh orang tua, yang mana mereka menganggap bahawa pilihan anak-anaknya dalam memilih pasangan (calon suami atau isteri) tidak *kafa'ah* atau pilihan anak-anaknya hanya didasarkan pada perasaan senang dan saling mencintai. Namun tidak didasarkan pada kesepadanan menurut penilaian orang tua.⁷

Adapun pengertian jodoh iaitu pasangan hidup (lelaki atau perempuan)⁸. Sebuah kata yang mendapat awalan *di* diertikan sebagai yang dikenai sesuatu atau yang menjadi objek penderita dalam suatu perbuatan. Justeru perkataan dijodohkan dapat diertikan sebagai seseorang yang mendapat teman hidup (suami/isteri), bukan atas dasar pilihannya sendiri akan tetapi orang lain yang mencarikan seperti ibu bapa, saudara, dan lain-lain yang memiliki hubungan darah dengannya, sama ada yang dijodohkan bersetuju ataupun tidak bersetuju.

1.1 Latar Belakang Masalah

Kecamatan Reteh terdiri dari lapan Kelurahan dan satu Kecamatan, iaitu Kecamatan Reteh. Secara pentadbiran, Kelurahan Pulau Kijang termasuk di dalam wilayah Kecamatan Reteh Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.

⁷Pera Sopariyanti, *Menilai Kawin Paksa Persepektif Fiqih dan Perlindungan Anak* (Jakarta: Rahima, 2008), 203.

⁸ Kamus Dewan, 653.

Secara geografi, Kelurahan Pulau Kijang bersempadan dengan Kelurahan Sungai Undan di sebelah Timur, Kelurahan Seberang Pulau Kijang di sebelah Utara, Kabupaten Tanjung Jabung Provinsi Jambi di sebelah Selatan dan Kelurahan Pulau Kecil di sebelah Barat. Kelurahan Pulau Kijang berada di belahan bumi bahagian selatan dengan kedudukan 102° - 104° BT dan Lintang 0° - 20° LS⁹.

Masyarakat Pulau Kijang terdiri dari pelbagai suku iaitu suku Melayu, Minang, Jawa, Banjar, Batak, etnik Cina dan yang paling banyak dihuni oleh suku Bugis. Penganut Agama kebanyakan beragama Islam, kemudian Kristian menempati nombor kedua, Katolik, Hindu dan Buddha, yang secara kuantiti dianuti oleh sebahagian kecil masyarakat. Sedangkan mata pencarian masyarakat Pulau Kijang adalah kebanyakan petani, nelayan, buruh, pedagang, pengusaha, guru dan sebahagian kecil pegawai negeri sipil atau bekerja di pemerintahan yang disebut pegawai negeri¹⁰.

Masyarakat suku Bugis semuanya beragama Islam dan mendiami Kelurahan Pulau Kijang berasal dari Sulawesi Selatan yang merantau dari beberapa generasi. Adat istiadat yang berlaku dalam masyarakat suku Bugis yang ada di perantauan tetap berpegang teguh pada adat istiadat yang diwarisi dari nenek moyang mereka.

Ustaz Hj. Andi Kinas berkata bahawa:

“Kehidupan sehari-hari orang Bugis, terutama di Pulau Kijang masih banyak terikat pada sistem norma dan aturan-aturan adat yang dianggap luhur yang disebut dengan Pangngadereng. Pangngadereng dapat diertikan seluruh norma yang mengatur seseorang dalam bertingkah laku terhadap sesamanya dan terhadap

⁹Departemen Dalam Negeri Republik Indonesia, *Profil Desa/Kelurahan Pulau Kijang*, 2011.

¹⁰ Fauzan, Kakitangan Pejabat Kelurahan Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Pulau Kijang, Temu Bual, pada 19 Oktober 2008, Jam 9.30 pagi.

*budaya sosialnya secara timbal balik sehingga menimbulkan dinamik dalam masyarakat, salah satunya dalam perkahwinan.*¹¹

Terdapat rangkaian acara adat pada masyarakat suku Bugis dalam pelaksanaan perkahwinan dan sebelum majlis perkahwinan tersebut berlangsung., Secara umum pelaksanaannya memakan waktu yang cukup lama, sama ada dalam persiapan atau dalam majlis pelaksanaan perkahwinan, dan mengeluarkan kos serta tenaga yang besar.

Merupakan suatu realiti dalam masyarakat suku Bugis, iaitu terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan yang dilakukan oleh orang tua ataupun pihak keluarga terhadap anak-anak mereka. Dalam kalangan masyarakat suku Bugis ini masih ada sebahagian kelompok kerabat yang tetap mempertahankan prinsip keserasian atau kesepadanan yang disebut *kasiratangang* dalam rangka urusan pemilihan jodoh. Prinsip pemilihan jodoh yang berasas pada konsep *kasiratangang* dilandasi pelbagai kriteria sebagai syarat minimum. Antaranyalatar belakang ekonomi, pendidikan, status sosial utamanya tingkat kebangsawanan yang sepadan antara keluarga pihak lelaki dan keluarga pihak perempuan yang akan dijodohkan¹².

Dalam masyarakat suku Bugis, perkahwinan kerana dijodohkan adalah sesuatu hal yang lazim terjadi dan sudah menjadi tradisi¹³ dan adat¹⁴ dalam perkahwinan. Menjodohkan anak dianggap wajar sahaja dilakukan oleh orang tua, tanpa melihat sama ada anak tersebut bersetuju ataupun tidak dengan perjodohan dan perkahwinan tersebut. Hal ini dapat dilihat dari contoh kes sebagai berikut:

¹¹ Ustaz Hj. Andi Kinas, Tokoh Masyarakat Suku Bugis, Pulau Kijang, Temu Bual, pada 21 Oktober 2008, Jam 8.10 malam.

¹² Hamid Pananrangi, *Pola Pengasuhan Anak Pada Masyarakat Secara Tradisional Daerah Sulawesi Selatan* (Ujung Pandang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1991), 48.

¹³ Tradisi adalah segala sesuatu yang dianggap merupakan kebiasaan, merupakan adat istiadat dan turun temurun.

¹⁴ Adat adalah aturan sejak nenek moyang.

- a) “Herlinda (22 tahun) dan Anto (24 tahun), berkahwin pada pertengahan tahun 2003. Ketika itu Herlinda baru saja lulus dari Sekolah Menengah Atas (SMA), dan Herlinda memiliki keinginan untuk melanjutkan pendidikan ke Universiti. Namun cita-citanya itu terpaksa harus dipendam. Kerana ayahnya telah menjodohkan dirinya dengan Anto, yang merupakan sepupunya sendiri dari pihak ibunya. Ketika itu Herlinda menolak bahkan memberontak tidak ingin dijodohkan. Namun ayahnya tetap memaksa Herlinda, tanpa memperhatikan apakah Herlinda bersetuju atau tidak. Setelah berkahwin justeru hubungan antara Herlinda dan Anto tidak berjalan harmoni. Sehingga pada awal tahun 2005 mereka pun secara rasminya bercerai” .¹⁵
- b) “Sultan (21 tahun) sudah lama dijodohkan oleh orang tuanya dengan Rini (19 tahun) yang tidak lain masih memiliki hubungan kekeluargaan dengan dirinya. Ketika mengetahui bahawa dirinya telah dijodohkan dengan Rini, Sultan menolak perjodohan itu kerana dia telah memiliki pilihan hati sendiri yang bernama Lina. Namun hubungannya dengan Lina tidak bertahan lama. Kerana Lina memutuskan hubungan mereka dan lebih memilih untuk belajar di Universiti berbanding berkahwin dengan Sultan. Sultan pun merasa patah hati dengan keputusan Lina. Orang tua Sultan yang memang tidak mengetahui tentang hubungan anaknya dengan Lina, ternyata tetap bersepakat dengan orang tua Rini untuk menjodohkan anak mereka, walaupun dulunya Sultan tidak menyetujuinya. Kerana selalu didesak dengan orang tuanya, jika Sultan tidak mahu menerima perjodohan tersebut, maka Sultan akan merosak nama baik keluarganya. Sultan pun mahu menerima Rini, gadis yang dijodohkan kepadanya sebelum Lina hadir dalam kehidupannya setelah melalui perdebatan yang panjang dengan keluarganya. Walaupun Sultan sebenarnya tidak mencintai Rini, Sultan pun mahu menerima gadis yang dijodohkan kepadanya itu, sehingga pada bulan November 2006 yang lalu Sultan dan Rini pun secara rasminya menjadi pasangan suami isteri, dan sampai sekarang hubungan mereka masih tetap baik” .¹⁶
- c) “Fitriyani (20 tahun) dan Syahir (20 tahun), berkahwin pada tahun 2002. Ketika berkahwin usia mereka berdua masih belia. Fitriyani sendiri masih di kelas 1 Sekolah Menengah Atas (SMA) di Pulau Kijang, sedangkan Syahir hanya lepasan Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan dia tidak melanjutkan pendidikannya. Tetapi ia membantu usaha ayahnya di bidang pertanian. Fitri dan Syahir menikah bukan atas keinginan mereka, akan tetapi kerana dijodohkan oleh orang tua. Fitri menolak tidak ingin dijodohkan, kerana ia masih ingin melanjutkan pendidikan. Jika ia menikah, maka tentulah bangku sekolah harus ditinggalkannya. Bahkan sehari sebelum hari perkahwinannya Fitri tetap ke sekolah. Awalnya, yang akan dijodohkan dengan Syahir

¹⁵Hjh. Erni (Suri rumah tangga), Pulau Kijang, Temu Bual, pada 23 Oktober 2008, Jam 5.15 petang.

¹⁶Sultan (pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, pada 11 Mei 2008, Jam 9.30 pagi.

bukanlah Fitri tetapi kakak Fitri yang bernama Yani. Yani sendiri menolak untuk dijodohkan, dengan alasan masih ingin berkerjaya. Akan tetapi telah terjadi kesepakatan untuk menjodohkan anak masing-masing antara orang tua Fitri dan orang tua Syahir dan perkahwinan anak mereka harus dilaksanakan. Maka berlangsunglah perkahwinan Fitri dan Syahir. Di awal perkahwinan, hubungan antara Fitri dan Syahir tidak harmoni, bahkan sering terjadi pertengkaran. Sehingga mereka memiliki anak, Fitri dan Syahir masih selalu bergaduh”¹⁷.

Dalam hadis Nabi SAW dikatakan bahawa apabila seorang anak ingin dikahwinkan, maka hendaklah dengan izinnya.

عن أبي رهيرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا تنكح الأيم حتى تستأمر، ولا تنكح البكر حتى تستأذن، قالوا يا رسول الله! ذيفي كونها، قال: أن تسكت. (متفق عليه)

Maksudnya: “Diriwayatkan dari Abi Hurayrah RA: Nabi SAW bersabda: Tidak boleh dikahwinkan perempuan janda sehingga diminta perintahnya (persetujuannya); dan tidak dapat dikahwinkan gadis sehingga diminta izinnya. Sahabat bertanya: Ya Rasulullah, bagaimana izinnya? Jawab Nabi SAW: Jika ia diam.”¹⁸

(HR. Bukharidan Muslim)

Setelah penulis melihat fenomena yang terjadi pada masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, maka penulis tertarik untuk merungkaikan permasalahan tersebut melalui tulisan dalam bentuk karya tulis atau tesis dengan tajuk: **“Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan Dalam Kalangan Masyarakat Suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Riau, Indonesia: Analisis Dari Perspektif Kompilasi Hukum Islam”**.

¹⁷Fitriyani (pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang Temu Bual, pada 12 Mei 2008, Jam 4.10 petang.

¹⁸Ibn Hajar al-‘Asqalani al-Hafiz, *Bulugh al-Maram* (Semarang : Toha Putra, t.t.), 212.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah di atas dan luasnya topik kajian, maka penulis membatasi kajian dalam penelitian ini kepada “Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan Dalam Kalangan Masyarakat Suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau Indonesia: Analisis dari Perspektif Kompilasi Hukum Islam Indonesia yang berlaku pada tahun 1999 hingga 2011”.

Maka rumusan permasalahannya adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat suku Bugis?
2. Apakah akibat/kesan yang wujud dari perkahwinan kerana dijodohkan tersebut?
3. Bagaimanakah hukum perkahwinan kerana dijodohkan menurut syarak?
4. Bagaimanakah hukum perkahwinan kerana dijodohkan menurut kompilasi hukum Islam Indonesia?
5. Bagaimanakah amalan perkahwinan kerana dijodohkan dalam kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia?

1.3 Objektif Kajian

Tajuk disertasi ini ialah “Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan Dalam Kalangan Masyarakat Suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten

Indragiri Hilir, Riau, Indonesia: Analisis Dari Perspektif Kompilasi Hukum Islam Indonesia”. Objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah:

1. Mengenalpasti amalan perkahwinan kerana dijodohkan di kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.
2. Menganalisis amalan perkahwinan kerana dijodohkan di kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia dari perspektif perundangan Islam dan kompilasi hukum Islam Indonesia.
3. Mengenal pasti trend perkahwinan yang dijodohkan dalam masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir Riau, Indonesia.

1.4 Kepentingan Kajian

1) Bagi Pihak Kantor Urusan Agama (KUA) Pulau Kijang Kecamatan Reteh;

Kajian ini penting untuk pihak mereka mengetahui amalan perkahwinan dalam masyarakat suku Bugis yang menjodohkan anak-anak mereka dalam perkahwinan sama ada bersetuju atau tidak. Secara tidak langsung, pihak Kantor Urusan Agama (KUA) dapat mengetahui, menilai dan menyemak kefahaman dan pengamalan mereka supaya selaras dengan syariat dan tidak melanggar norma-norma kehidupan. Sebelum berlangsungnya perkahwinan hendaklah ditanya dengan sebenar kepada calon pengantin, apakah mereka bersetuju untuk melangsungkan perkahwinan tersebut atau terpaksa. Ini bersesuaian dengan peranan mereka bagi memastikan sebuah institusi kekeluargaan dapat dibina dengan baik dan sempurna

dengan memastikan hal ehwal perkahwinan ini berlangsung menurut etika-etika yang telah digariskan dalam Islam.

2) Bagi pihak Pengadilan Agama (PA) Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir;

Dapatan kajian mengenai amalan dan kefahaman masyarakat terhadap perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat suku Bugis boleh digunakan sebagai maklumat bagi pihak Pengadilan Agama (PA) Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir. Sekali gus dapat mengatur strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap hal ehwal perkahwinan dan etika sebenar menurut syarak. Begitu juga dengan dapatan dari analisis terhadap pengamalan masyarakat suku Bugis dalam mengahwinkan anak-anak mereka menurut Kompilasi Hukum Islam Indonesia dapat membentuk suatu kesinambungan dalam proses mengislamkan sebuah masyarakat khususnya masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir agar mereka mengikut garis panduan agama yang telah lengkap dan sempurna. Dan pihak Pengadilan Agama dapat memberi pencerahan dalam persidangan perceraian sama ada cerai gugat atau cerai talak bagi pihak wali yang telah mengahwinkan anak-anak mereka dengan cara menjodohkan.

3) Bagi masyarakat umum dan khususnya masyarakat suku Bugis;

Memberi informasi kepada masyarakat umum dan masyarakat suku Bugis khususnya berkenaan akibat perkahwinan kerana dijodohkan pada adat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh serta pandangan kompilasi hukum Islam terhadap perkara tersebut.

4) Penulisan Disertasi;

Kajian ini juga merupakan satu sumbangan pengkaji kepada dunia keilmuan dan menambah koleksi khazanah tulisan ilmiah untuk pengetahuan umum. Ianya juga amat berharga bagi pengkaji dalam usaha meningkat dan meluaskan pengetahuan serta penguasaan dalam bidang kemasyarakatan khususnya hal ehwal kekeluargaan Islam, permasalahan dan cabaran semasa.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia. Ini kerana dari lapan Kecamatan yang ada di Kabupaten Indragiri Hilir, Pulau Kijang Kecamatan Reteh merupakan Kecamatan yang paling ramai suku Bugis dalam masyarakatnya dan mengahwinkan anak-anak mereka dengan cara menjodohkan. Selain itu, ia merupakan tempat kelahiran dan tempat tinggal orang tua pengkaji hingga sekarang. Secara tidak langsung ia memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian.

Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis amalan perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia dari sudut kompilasi hukum Islam Indonesia. Seperti dijelaskan sebelum ini, skop kajian meliputi Undang-undang Perkawinan Nomor 1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam .

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti bidang kajian dengan membuat tinjauan tentang keadaan amalan perkahwinan kerana dijodohkan dalam

masyarakat suku Bugis di tempat kajian. Faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan pada masyarakat suku Bugis, akibat yang timbul dari perkahwinan kerana dijodohkan tersebut, hukum perkahwinan kerana dijodohkan menurut syarak dan hukum perkahwinan kerana dijodohkan menurut kompilasi hukum Islam Indonesia.

1.6 Pengertian Tajuk

Menurut Kamus Dewan, amalan adalah sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan.¹⁹ Kahwin ialah ikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan menjadi suami isteri.²⁰

Perkahwinan menurut hukum Islam adalah pernikahan, iaitu akad yang sangat kuat atau *mithaqan ghalizatan* untuk mentaati perintah Allah dan melaksanakannya merupakan ibadah.²¹

Dalam Undang-undang Perkawinan Nomor 1 Tahun 1974, perkahwinan merupakan ikatan lahir batin antara seorang pria dengan seorang wanita sebagai pasangan suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa.²²

Adapun pengertian jodoh iaitu pasangan hidup (lelaki atau perempuan)²³. Sebuah kata yang mendapat awalan *di* diertikan sebagai yang dikenai sesuatu atau yang menjadi objek penderita dalam suatu perbuatan. Justeru perkataan dijodohkan

¹⁹Kamus Dewan, 42.

²⁰*Ibid.*, 654.

²¹Undang-undang R.I Nombor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam, cet. 2 (Yogyakarta: Pustaka Yustisia, 2009), 51.

²²*Ibid.*, 7.

²³ Kamus Dewan, 653.

dapat diertikan sebagai seseorang yang mendapat teman hidup (suami/isteri), bukan atas dasar pilihannya sendiri akan tetapi orang lain yang mencarikan seperti ibu bapa, saudara, dan lain-lain yang memiliki hubungan darah dengannya, sama ada yang dijodohkan bersetuju ataupun tidak bersetuju

Masyarakat merupakan kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu²⁴ dan suku Bugis adalah suku yang tergolong ke dalam suku Deutero-Melayu atau Melayu muda. Masuk ke Indonesia setelah gelombang migrasi pertama dari daratan Asia tepatnya Yunani. Kata *Bugis* berasal dari kata *to ugi* yang maksudnya orang Bugis. Dan kata *ugi* merujuk pada raja pertama kerajaan Tiongkok (bukan negara Tiongkok tetapi yang terdapat di jazirah Sulawesi Selatan, tepatnya Kecamatan Pammana Kabupaten Wajo saat ini), iaitu La Sattumpungi²⁵.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ‘Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan Dalam Kalangan Masyarakat Suku Bugis’ adalah suatu kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh yang mengahwinkan anak mereka dengan cara menjodohkan sama ada anak bersetuju atau tidak.

Perkataan analisis membawa maksud satu pengkajian atau penghuraian sesuatu keadaan, masalah atau persoalan untuk mengetahui pelbagai aspek mengenainya secara terperinci atau mendalam.²⁶ Perspektif pula bermaksud

²⁴*Ibid.*, 1004.

²⁵Hj. Mohd. Yusuf Daeng, *Orang Bugis di Semenanjung Melayu* (Pekanbaru: Kerukunan Keluarga Selatan, 2008), 12.

²⁶Kamus Dewan, 51.

pandangan atau pentafsiran yang wajar berkenaan sesuatu dengan memikirkan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya.²⁷

Kompilasi Hukum Islam Indonesia bererti kitab undang-undang yang berisi pedoman dalam menyelesaikan masalah-masalah dalam bidang perkahwinan, pewarisan dan perwakafan yang dibuat berdasarkan instruksi presiden nomor 1 tahun 1991 dalam tata hukum nasional.²⁸

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa kajian ini adalah berkisar tentang analisis amalan perkahwinan kerana dijodohkan dalam kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia: analisis menurut perspektif Kompilasi Hukum Islam Indonesia.

1.7 Kajian Lepas

Allah telah menciptakan manusia berpasang-pasangan supaya muncul suatu ketenangan, kesenangan, ketenteraman, kedamaian, dan kebahagiaan. Hal ini menyebabkan setiap lelaki dan perempuan mendambakan pasangan hidup yang memang merupakan fitrah manusia. Perkahwinan merupakan sunnah dari Rasul, Islam mensyariatkan dijalinnya pertemuan antara lelaki dan perempuan, selanjutnya mengarahkan pertemuan tersebut sehingga terlaksananya suatu perkahwinan.

Perkahwinan sebagai bentuk hubungan manusia yang paling agung kerana perkahwinan merupakan suatu akad atau perjanjian yang tidak hanya sekadar

²⁷*Ibid.*, 1194.

²⁸Tim Redaksi Pustaka Yustisia, *Undang-undang R.I Nombor 1 Tahun 1974*, 149.

merapatkan hubungan dua pihak. Namun lebih daripada itu, dapat mempererat tali hubungan antara keluarga pihak suami dan pihak isteri. Untuk itu, maka hendaklah ada rukun dan syarat tertentu bagi pihak yang melakukannya. Sebagai suatu akad maka rukun yang dianggap penting adalah adanya ijab dan qabul yang menandakan adanya keredaan dan keserasian kedua calon pengantin lelaki dan perempuan.

Dalam hal ini ulama golongan Hanafiah memberikan pandangan bahawa perkahwinan itu adalah sebagai akad yang memberikan faedah, memiliki, dan bersenang-senang dengan sengaja. Dengan kata lain perkahwinan itu bukan hanya sekadar boleh bersenang-senang tetapi juga ada keredaan dan keserasian.²⁹

Menurut Sumiyati,³⁰ perkahwinan sebagai suatu perjanjian, maka perkahwinan mempunyai tiga ciri-ciri khas, iaitu:

1. Perkahwinan tidak dapat dilakukan tanpa adanya unsur keredaan dari semua pihak.
2. Masing-masing pihak yang mengikat diri dalam perjanjian, mempunyai hak untuk memutuskan perjanjian tersebut berdasarkan ketentuan-ketentuan hukum yang sudah ada.
3. Persetujuan perkahwinan tersebut mengatur batas-batas hukum hak dan kewajiban pihak masing-masing.

Menurut Hartini³¹ dalam tulisannya “Hak Ijbar dan Relevansinya dengan Asas Keredaan dalam Perkahwinan”, menyebutkan bahawa adanya hak *ijbar* dalam perkahwinan tidak terlepas dari keberadaan wali mujbir, kerana hanya wali

²⁹Djamaan Nur, *Fiqh Munakahat* (Semarang: Dina Utama, 1993), 2-3.

³⁰Sumiyati, *Hukum Perkawinan Islam dan Undang-undang Perkawinan* (Yogyakarta: Liberty, 1986), 10-12.

³¹Staf Pengajar Fakultas Hukum Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta.

mujbiryang dapat menggunakan hak tersebut. Hak *ijbar* dapat di ertikan sebagai hak yang dimiliki oleh wali mujbir untuk memaksa gadis di bawah perwaliannya untuk dikahwinkan dengan lelaki pilihan wali tanpa izin dari anak dara yang bersangkutan.³² Namun pada prinsipnya Hartini menyebutkan bahawa hak *ijbar* hanya dapat diterapkan terhadap anak dara yang belum dewasa (anak-anak di bawah umur) dan orang yang kurang atau kehilangan kemampuannya.³³

Dalam khazanah Islam, menurut Imam Malik, seorang ayah memiliki hak untuk memaksa anak perempuannya (hak *ijbar*) untuk kahwin, dan hak ini hanya dimiliki oleh seorang ayah. Disebutkan orang yang boleh memaksa perempuan berkahwin hanyalah ayah kepada anak daranya dan terhadap anak lelaki kecil, tuan terhadap hambanya (yang belum dewasa), dan wali terhadap anak yatim.³⁴ Sedangkan dalam pandangan Hanafi, persetujuan seorang perempuan sama ada janda ataupun anak dara harus ada dalam perkahwinan. Dan sebaliknya, apabila mereka menolak, akad nikahnya tidak boleh dilaksanakan meskipun oleh ayahnya sendiri.³⁵ Menurut mazhab Syafii, kebebasan dan persetujuan perempuan dalam perkahwinan diklasifikasikan dalam tiga kelompok, iaitu:

1. Anak dara belum dewasa, had umurnya ialah belum mencapai 15 tahun atau belum keluar darah haid. Dalam hal ini seorang ayah boleh mengahwinkan anak dara tersebut walaupun tanpa persetujuannya, dengan syarat menguntungkan dan tidak merugikan si anak. Hal ini adalah merujuk tindakan Nabi Muhammad SAW yang mengahwini Siti Aisyah RA pada masa ia berumur enam tahun, dan mengadakan hubungan

³²Basyir, Ahmad Azhar, *Hukum Perkawinan Islam*, cet.IX(Yogyakarta: UII Press, 1999), 42.

³³Hartini, *Hak Ijbar*, 42.

³⁴Khoruddin Nasution, *Hukum Perkawinan* (Yogyakarta: ACAdemia dan TAZZAFa, 2005), 86.

³⁵*Ibid.*

setelah berumur sembilan tahun.³⁶ Perbuatan Abu Bakar yang mengahwinkan anaknya yang masih belum dewasa menunjukkan bahawa urusan anak kecil merupakan tanggungjawab ayahnya.

2. Anak dara yang sudah dewasa, adanya hak yang serimbang antara ayah (wali) dengan anak daranya, dengan kata lain bahawa izin anak dara sangatlah perlu dan ini tidak merupakan suatu keharusan tapi sekadar pilihan.³⁷ Oleh kerana itu, kalangan *Syafi'iyah* membuat syarat bagi membolehkan hak *ijbar*. Antaranya: pertama, harus tidak ada kebencian yang nyata antara anak dan ayah. *Ijbar* harus dilakukan dengan dasar kasih sayang. Kedua, ayah harus mengahwinkan anak daranya dengan lelaki yang sepadan (sekufu). Ketiga, calon suami harus mampu memberi mahar (mahar *mithil*). Keempat, harus tidak ada kebencian zahir batin antara calon isteri dengan calon suami. Kelima, si anak dara tidak dikhuatiri berkahwin dengan orang yang akan membuatnya sengsara setelah berumah tangga sepertiberkahwin dengan orang tua, orang buta, dan lainnya.³⁸
3. Janda, diharuskan adanya keizinan secara tegas dari pihak bersangkutan.³⁹

Ibn Qudāmah dari Mazhab Hambali mempunyai kesimpulan bahawa ulama sepakat adanya hak wali *ijbar* untuk mengahwinkan anak dara yang belum dewasa.⁴⁰

Larangan kahwin paksa yang diutarakan oleh Riffat Hasan dengan menggunakan dasar surat al-Nisā' ayat 3 dan 19. Dua hal terpenting dalam

³⁶*Ibid.*, 78.

³⁷*Ibid.*

³⁸Syams al-Din Muhammad Ahmad al-Khatib, *al-Iqnā'* (Mesir: Musthafa al-Babi, 1359), 2 : 128; Lihat juga Ibrahim al-Bajuri, *Hāsiyah al-Bajūrī* (Semarang: Toha Putra, t.t.), 2 : 112.

³⁹Al-Khatib, *al-Iqnā'*, 87.

⁴⁰*Ibid.*

kandungan ayat-ayat tersebut adalah anjuran agar lelaki berkahwin dengan perempuan pilihannya dan larangan mengahwinkan perempuan dengan paksaan. Meskipun secara tekstual ayat ini berkaitan dengan larangan mewarisi perempuan dengan jalan paksa.⁴¹

Berlainan halnya dengan masyarakat Kalang di Kampung Ngoto dan Tegalgendu di Yogyakarta dalam sebuah kajian Agus Sudaryanto⁴² mengatakan bahawa dalam masyarakat Kalang, sistem perkahwinan yang dijalankan adalah sistem *eleutherogami*. Dalam sistem ini, seorang lelaki dilarang untuk mencari calon isteri di luar lingkungan kerabat atau suku, adapun yang menjadi pertimbangan menjalankan sistem ini adalah kerana adanya alasan kesihatan, psikologi, tidak adanya denda, sosial budaya ataupun agama.⁴³

Perkahwinan kerana dijodohkan tidak hanya berlaku di Indonesia sahaja. Akan tetapi berlaku juga di sebahagian negara lain seperti India. Terdapat beberapa penulisan terdahulu tentang perkahwinan kerana dijodohkan di India. Antaranya yang telah ditulis oleh Stein dengan tajuk *Burning Widows, Burning Brides: The Perils of Daughterhood in India* yang membincangkan perjodohan telah lama menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dalam budaya India. Menurutnya, perjodohan telah menjadi sebahagian dari budaya India sejak abad ke-empat.⁴⁴

⁴¹Arini Robbi Izzati, *Kuasa Hak Ijbar Terhadap Anak Perempuan Perspektif Fiqh dan HAM*, al-Mawarid (2) XI, no 2 artikel 7, 246. Sama halnya yang ditulis oleh Huzaemah Tahido Yanggo dalam bukunya yang bertajuk '100+ Kesalahan dalam Pernikahan', 47. Lihat juga Abu Umar Basyier dalam bukunya yang bertajuk 'Mengapa Harus Bercerai', 263, mengatakan bahawa sebab-sebab terjadinya perceraian dari pihak luar kerana memaksa anak berkahwin dengan lelaki yang tidak ia sukai.

⁴²Staf Pengajar Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta.

⁴³Agus Sudaryanto, *Sistem Perkawinan Pada Masyarakat Kalang Studi Kasus di Kampung Ngoto dan Tegalgendu Yogyakarta*, Skripsi, 214.

⁴⁴Harlan, Lindsey, ed., *From The Margins of Hindu Marriage: Essays on Gender, Religion* (New York: Oxford University Press, 1995). Stein, Dorothy, "Burning Widows, Burning Brides: The Perils of Daughterhood in India." *Pacific Affairs* 61 (1988): 465-485.

Perkahwinan tanpa cinta ini berasal dari kepercayaan orang tua pasangan yang mencari calon pasangan melalui iklan di surat khabar atau portal pernikahan atau kenalan. Pada masa lampau masalah perijodohan ini diatur oleh anggota keluarga dan sang pengantin/mempelai sama sekali tidak tahu apa-apa mengenai siapa pasangan mereka. Komuniti India Utara dan India Selatan biasanya tidak bercampur satu sama lain. Budaya, bahasa, makanan, dan adat istiadat mereka jauh berbeza.

Sementara itu menurut Harlan, Lindsey, dalam bukunya yang bertajuk "*From the Margins of Hindu Marriage: Essays on Gender, Religion*" menyatakan bahawa *arrange married* atau pernikahan yang dijodohkan tabu diadakan antara India Utara dan Selatan kerana komuniti India Utara yang kebanyakan adalah orang Sikh tidak mengenal adanya pembahagian kasta dan perbezaan kumpulan masyarakat. Lain halnya dengan komuniti India Selatan, yang mana hanya sesama kasta yang boleh berkahwin, misalnya Brahmin dengan Brahmin, serta Ksatria dengan Ksatria.⁴⁵

Rakyat India pada dasarnya mengikuti sistem perijodohan, dan mereka menganggap itu sebagai sesuatu yang sangat baik. Orang India mementingkan hubungan keluarga. Sistem ini pada dasarnya melindungi keluarga. Para orang tua mengurus anak-anak mereka, dan anak-anak mentaati orang tua mereka. Orang tua menemukan pasangan yang sesuai untuk anak-anak mereka dari keluarga yang sesuai. Jadi, tidak ada kesempatan untuk berkahwin di luar agama, kasta, status sosial atau kelas ekonomi mereka sendiri. Ini melindungi pasangan dari masalah-masalah yang biasanya berasal dari perbezaan agama, kasta dan kelas. Jika ada anak berkahwin sesuai keinginan mereka sendiri, orang tua akan menganggap itu sebagai ancaman dan rasa malu bagi keluarga. Jadi, banyak lelaki dan wanita hanya

⁴⁵<http://www.classyfm.co.id/component/content/article/56-around-the-world/479-2210>. Diakses pada 20 April 2013.

menerima apa aturan orang tua mereka . Mereka tidak ingin kehilangan bahagian mereka dari harta benda, dan mereka tidak ingin mengundang rasa malu sedikit pun untuk keluarganya.⁴⁶ Antara kes-kes yang berlaku dalam masyarakat dalam bentuk kahwin paksa:

1. Tindakan pemaksaan perkahwinan terhadap anak di bawah umur kerana adanya pelbagai alasan orang tua seperti takut kelak anaknya kesulitan menemukan jodoh yang tepat, takut anaknya menjadi perawan tua, takut sekiranya kelak anaknya memilih jodoh yang tidak sesuai dengan tingkat dan martabat orang tuanya.
2. Pemaksaan perkahwinan kerana orang tua sudah tidak mampu membiayai kehidupan anak daranya dan menyekolahkaninya. Sedangkan dari sudut yang lain, orang tua merasa sudah menemukan jodoh yang tepat untuk anaknya yang dianggap kelak secara ekonominya mampu untuk menghidupi anak daranya.⁴⁷

Menurut Asghar Ali Engineer sebagaimana dikutip oleh Muhammad Ihsan Armia, “persetujuan calon pengantin dalam perkahwinan sangat diperlukan, iaitu sesuai dengan surah al-Nisa’ ayat 19.” Masih menurut pandangan Asghar Ali Engineer, keizinan daripada kerabat dalam perkahwinan juga memiliki kedudukan penting yang merujuk pada surah al-Nisa’ ayat 25.⁴⁸

Ada perbezaan antara Imam Mazhab dengan para pemikir/intelektual kontemporari. Secara tegas para pemikir menolak hak *ijbār* dan menghendaki para

⁴⁶<http://berchmans.tripod.com/arrange.html>. Diakses pada 20 April 2013.

⁴⁷Muhammad Ihsan Armia, *Kawin Paksa Perspektif Gender* (Skrpisi UIN Malulana Ibrahim Malang, 2009), 44.

⁴⁸*Ibid.*, 247.

pengantin menentukan pasangan dalam perkahwinan dan melarang perkahwinan paksa. Sedangkan para Imam Mazhab menggunakan nas implisit (*mafhum mukhalafah*) dalam merumuskan hak *ijbār*. Ertinya penetapan hak *ijbār* adalah *mafhum mukhalafah* dari hadis *al-ayyimu aḥaqqu bi nafsihā min waliyyihā*, bahawa seorang janda lebih berhak atas dirinya daripada wali. Maka dapat difahami disebalik ayat ini bahawa wali adalah orang yang berhak terhadap seorang anak dara.⁴⁹

Budiman 1999 (dalam Ardhanita & Andayani, 2005), menjelaskan tentang pentingnya masa perkenalan. Dalam masa perkenalan yang singkat individu belum mengenal secara baik sikap masing-masing. Oleh kerana itu, diharapkan kepada pasangan yang dijodohkan dapat menyesuaikan diri dengan pasangannya sehingga dalam perkahwinan tercipta rumah tangga yang ideal. Menurut ajaran Islam, rumah tangga yang ideal adalah rumah tangga yang diliputi *sakinah, mawaddah wa al-rahmah*.

Walgito, (dalam Sudirman 1990) menyatakan bahawa, dalam kehidupan rumah tangga juga diharapkan terbina kehidupan keluarga yang harmoni. Keharmonian keluarga adalah terciptanya suasana yang penuh keakraban, adanya saling memahami, toleransi, dan saling menghargai satu sama lain. Namun dalam kenyataannya, tidak semua pasangan yang dijodohkan dapat membangun rumah tangga yang ideal, bahkan sampai terjadinya perceraian. Berkaitan dengan masalah perceraian, dalam Undang-undang Perkawinan Nomor 1 Tahun 1974 disebutkan bahawa untuk melakukan perceraian hendaklah mempunyai alasan yang kukuh iaitu

⁴⁹*Ibid.*

antara suami isteri tidak akan dapat rukun sebagai suami isteri dan mereka sudah tidak dapat di damaikan.⁵⁰

Sefri Noviardi S (2003) dalam kajiannya “Kahwin Lari dalam Budaya Siri pada Masyarakat Bugis” di kecamatan Nipah Panjang Kabupaten Tanjung Jabung Timur Provinsi Jambi Indonesia,⁵¹ menjelaskan bahawa kahwin lari oleh masyarakat suku Bugis merupakan salah satu cara untuk melepaskan diri dari syarat-syarat terlaksananya perkahwinan. Penyebab utamanya adalah keluarga pihak perempuan tidak menyetujui pilihan anaknya kerana telah dijodohkan sebelum itu, terlalu tinggi wang lamaran, dan lelaki tersebut dipandang tidak baik oleh pihak keluarga perempuan. Dan akibat yang terjadi dari kahwin lari iaitu keluarga pihak perempuan berpindah dari kampungnya kerana merasa malu dengan masyarakat. Selain itu, hubungan anak dengan orang tua terputus. Hubungan keluarga lelaki dengan keluarga perempuan akan saling bermusuhan serta akan terjadi pembunuhan terhadap salah satu pihak jika ditemukan.

Pera Sopariyanti (2010) salah seorang staf Fahmina Institute pada Program Islam dan Pengembangan Autonomi Komuniti, Cirebon, dalam kajiannya “Menilai Kawin Paksa: Perspektif Fiqh dan Perlindungan Anak”⁵² mengatakan bahawa nikah paksa dalam perkembangannya menjadi trend baru dalam bentuk eksploitasi anak. Kebiasannya, anak perempuan yang masih belia usia dipaksa menikah dengan orang

⁵⁰Dicka Martyastanti, *Penyesuaian Diri Dalam Pernikahan Pada Pasangan Yang Dijodohkan (Skripsi)*, Universitas Muhammadiyah Surakarta, 2009, 3 – 4.

⁵¹Sefri Noviardi S, *Kahwin Lari dalam Budaya Siri pada Masyarakat Bugis” di kecamatan Nipah Panjang Kabupaten Tanjung Jabung Timur Provinsi Jambi Indonesia*, Semarang: Universitas Diponegoro, 2003.

⁵²Pera Sopariyanti, *Menilai Kawin Paksa Perspektif Fiqh dan Perlindungan Anak* (Jakarta Selatan: Rahima, 2008).

asing, untuk kemudian dibawa pergi ke luar negeri. Cara seperti ini biasa dikenali dengan istilah ‘pengantin pesanan’ (*mail bride order*).

Kes “pengantin pesanan” ini banyak terjadi di kota Singkawang, Kalimantan Barat. Kota ini terkenal dengan ‘Kota Seribu Kuil’ yang di dalamnya banyak dihuni etnik Tionghoa yang memiliki kebudayaan “*kawin poto*” atau pengantin pesanan. Budaya ini biasanya dialami para amoy, sebutan bagi perempuan Tionghoa yang menikah dengan lelaki asal Taiwan. Dalam kes ‘pengantin pesanan’ ini tidak jarang pihak perempuan atau amoy menolak dijodohkan dengan pengantin lelaki. Alasannya, lelaki bakal suaminya jauh lebih tua dari usianya. Ketika amoy tidak mahu dijodohkan, orang tua akan memaksanya. Dengan alasan berbakti pada orang tua, dan keinginan keluar dari kemiskinan, akhirnya amoy menurut.

Arief Hakiem (2009) dalam kajiannya “Pernikahan dini kerana paksaan orang tua”⁵³ menjelaskan bahawa kes perkahwinan yang dijodohkan juga terjadi di Kampung Menco, Demak Jawa Tengah. Seorang gadis apabila hendak berkahwin harus mendapat izin dari orang tua. Kerana orang tuanyalah yang memiliki hak untuk mengahwinkan anaknya dengan paksa. Bahkan orang tuanya sudah mempunyai rencana untuk menjodohkan anak mereka pada umur 14 - 15 tahun. Maka yang pertama kali dilihat orang tua mereka adalah saudara maranya, teman terdekat dari orang tua tersebut. Apabila belum dapat juga maka boleh dijodohkan dengan jirannya. Adapun tujuan menjodohkan anaknya adalah agar tali silaturahmi semakin akrab dan tidak sekadar teman tapi harus lebih dekat.

⁵³Arief Hakiem, *Pernikahan Dini Karena Paksaan Orangtua*(Jogyakarta: UIN Sunan Kalijaga, 2009),

Dicka Martyastanti (2009) dalam kajiannya, “Penyesuaian Diri Dalam Pernikahan Pada Pasangan Yang Dijodohkan”⁵⁴ mengatakan bahwa fenomena yang muncul pada akhir abad 21 ini, terutama pada muda-mudi Muslim. Sebelumnya telah muncul trend menikah awal untuk mencegah perzinaan, angka statistik pernikahan awal dengan pengantin wanita berusia di bawah 16 tahun secara keseluruhan mencapai lebih dari seperempat dari jumlah pernikahan. Bahkan di beberapa tempat, angkanya jauh lebih besar, misalnya di Jawa Timur 39.43%, Kalimantan Selatan 35.48%, Jambi 30.63%, Jawa Tengah 27.84%, dan Jawa Barat 36%.

Lain halnya dengan pendapat Hartini (2007), staf pengajar fakulti hukum Universiti Gajah Mada Yogyakarta dalam kajiannya “Hak Ijbar dan Relevansinya dengan Asas Kesukarelaan dalam Perkahwinan”⁵⁵ mengatakan bahwa keberadaan hak *ijbar* dilatarbelakangi oleh pertimbangan adanya perhatian terhadap kemaslahatan masa depan perempuan. Namun perkahwinan merupakan suatu perjanjian yang mutlak menuntut asas kesukarelaan, maka penerapan hak *ijbar* tidak boleh berlaku secara umum terhadap semua kaum perempuan. Pada prinsipnya hak *ijbar* hanya boleh diterapkan terhadap anak dara yang belum dewasa dan orang-orang yang kurang atau kehilangan kemampuannya. Tidak terhadap janda atau perempuan dewasa. Namun melihat yang terjadi sekarang bahwa terhadap orang yang akan berkahwin disyaratkan telah memenuhi batas umur minima menurut ketentuan undang-undang, dengan anggapan bahwa orang tersebut telah mencapai taraf kedewasaan sama ada secara fizik biologi mahupun mental psikologi. Maka

⁵⁴Dicka Martyastanti, *Penyesuaian Diri Dalam Pernikahan Pada Pasangan Yang Dijodohkan (Skripsi)*, Surakarta: Universitas Muhammadiyah Surakarta.

⁵⁵Hartini, *Hak Ijbar dan Relevansinya dengan Asas Kesukarelaan dalam Perkahwinan*, <http://berchmans.tripod.com/arrange.html>, 15 Jun 2011.

penerapan hak *ijbar* terhadap perkahwinan anak-anak di bawah umur dianggap sudah tidak sesuai lagi.

Daripada beberapa kajian di atas, dapat difahami bahawa perkahwinan haruslah ada persetujuan dari kedua-dua calon pengantin. Kerana apabila salah satu dari calon pengantin tidak bersetuju maka beberapa akibat buruk akan terjadi setelah perkahwinan tersebut. Dan hukum Islam pun tidak membolehkan perkahwinan yang dijodohkan tersebut.

1.8 Metodologi Kajian

Secara umumnya kajian ini berbentuk kajian tinjauan (*survey*) di mana kajian ini adalah untuk membuat tinjauan, ramalan dan penjelasan tentang sesuatu isu masyarakat yang timbul.⁵⁶ Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat dan membuat satu penilaian (analisis) bagaimana amalan masyarakat suku Bugis yang mengahwinkan anaknya dengan cara menjodohkan. Metodologi yang akan digunakan adalah bertujuan untuk menjelaskan dan mendapatkan maklumat mengenai permasalahan yang dikaji. Oleh itu, beberapa langkah diambil bagi memastikan kajian ini memperoleh dapatan menyeluruh melalui usaha pengumpulan data dan analisis data.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

⁵⁶Chua Yan Piau, *Kaedah Pengkajian: Kaedah Dan Statistik Pengkajian* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, 2006), 107.

a) Kajian Perpustakaan (Library Research)

Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan atau *library research* yang dilaksanakan pada keseluruhan bab penulisan terutamanya dalam bab satu hingga bab tiga. Antara bahan-bahan yang dirujuk adalah seperti buku teks, tesis, disertasi, akhbar, kertas seminar, jurnal, bahan di laman sesawang dan sebagainya. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan perpustakaan Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Pekanbaru, Perpustakaan Wilayah Provinsi Riau, Perpustakaan Yayasan As-Shofa Pekanbaru, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya.

b) Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan secara khusus di dalam bab kedua dan ketiga dengan melakukan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubung kait dengan persoalan kajian seperti Undang-undang Perkahwinan Nombor 1 Tahun 1974, Kompilasi Hukum Islam, laporan-laporan kes dan surat keputusan Pengadilan Agama Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir.

c) Metode Temu Bual Secara Semi Struktural

Metode ini dipilih dan digunakan di dalam bab keempat. Metod ini amat penting dalam kajian ini kerana dalam hal ini, pengkaji pada mulanya akan menanyakan beberapa pertanyaan yang telah disusun. Kemudian satu persatu diperdalam untuk mendapatkan jawapan dan keterangan lebih terperinci dan lebih

jelas.⁵⁷ Bagi menjadikan kaedah temu bual ini lebih bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro telah dijalankan:

- (1) Pengkaji telah mengadakan temu janji dengan 15 orang responden yang merupakan masyarakat suku Bugis yang berkahwin kerana dijodohkan dan pengetua pejabat urusan agama Pulau Kijang Kecamatan Reteh serta hakim dan petugas pengadilan Agama Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik dan tidak mengganggu urusan harian mereka.
- (2) Untuk memastikan maklumat tidak diragui dan kedudukan orang ditemu bual tidak terjejas, pengkaji telah memaklumkan objektif dan tujuan kajian serta menyatakan bahawa segala perbualan yang dirakam tidak disebar dan ianya hanya menjadi koleksi peribadi pengkaji.
- (3) Temu bual dilakukan dengan menggunakan borang soalan. Soalan-soalan yang rapi telah disediakan terlebih dahulu dengan menggunakan metode *rating scale* yang mengandungi sangat bersetuju, bersetuju, kurang bersetuju dan tidak bersetuju. Di samping itu, beberapa soalan spontan juga digunakan kesan daripada respons jawapan orang yang ditemu bual. Dan menganalisis hasil keputusan Pengadilan Agama Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir Riau.
- (4) Kesemua responden yang ditemu bual adalah mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ehwal perkahwinan kerana dijodohkan di lokasi kajian.
- (5) Isi kandungan temu bual ini telah dipatikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

⁵⁷Suharsini Arikunto, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktik*, cet.10 (Jakarta: Rineka Cipta,1996), 230

1.8.2 Metode Analisis Data

a) Metode Induktif

Metode induktif digunakan dalam bab keempat untuk mengenal pasti amalan masyarakat suku Bugis mengenai perkahwinan kerana dijodohkan dan melihat unsur-unsur yang terlibat seperti adat atau keadaan persekitaran bagi membuat penilaian sama ada praktik masyarakat ini dalam mengahwinkan anak mereka dengan cara menjodohkan menepati apa yang telah dianjurkan syarak dan kompilasi hukum Islam seperti mana perbahasan yang dikemukakan di dalam bab kedua dan ketiga.

b) Metode Deduktif

Kaedah deduktif ini digunakan di dalam bab kedua dan ketiga, ketika pengkaji mengkaji berkenaan konsep dan amalan sebenar perkahwinan kerana dijodohkan di dalam hukum syarak dan kompilasi hukum Islam. Fakta-fakta dan ulasan yang diberikan oleh hukum syarak dan kompilasi hukum Islam ini akan dianalisis bagi mencari kesimpulan yang lebih tepat supaya ia dapat dipraktikkan ketika penjelasan berkenaan perbandingan di antara amalan masyarakat suku Bugis yang menjodohkan anak mereka dalam masalah perkahwinan ini dengan hukum syarak dan kompilasi hukum Islam dalam bab seterusnya.

c) Metode Komparatif

Kaedah ini digunakan di dalam bab yang keempat dan kelima di mana ia merupakan satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara fakta dan data yang diperoleh dalam tempoh kajian yang dibuat. Pada peringkat ini, pengkaji mengumpulkan segala data yang berkaitan dengan persoalan kefahaman

terhadap perkahwinan, bagaimana pelaksanaannya serta amalan adat iaitu perkahwinan yang dijodohkan di lokasi kajian. Seterusnya membuat perbandingan dengan teori sebenar pelaksanaan dan pengamalannya menurut kompilasi hukum Islam serta kesimpulan.

1.9 Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi lima bab keseluruhannya. Bab satu pendahuluan, yang mana pengkaji membincangkan pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif dan kepentingan kajian. Selain itu, bab ini juga menyatakan skop atau batasan kajian yang dilakukan. Penghuraian pengertian istilah yang terdapat dalam tajuk kajian serta kajian lepas, metodologi kajian dan sistematika penulisan. Pada dasarnya terdiri dari lima bab dan setiap menyatakan masalah menggunakan metodologi pengkajian dalam kajian ini.

Di dalam bab dua, pengkaji menjelaskan pengertian perkahwinan kerana dijodohkan, tinjauan menurut perspektif hukum syarak, syarat dan rukun perkahwinan, kesan buruk dari perkahwinan kerana dijodohkan dan konsep wali mujbir dalam hukum syarak.

Bab tiga pula, pengkaji membincangkan tentang perkahwinan kerana dijodohkan menurut Undang-undang Perkawinan Nomor 1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia yang mengandungi pengertian perkahwinan, tujuan perkahwinan, syarat-syarat-syarat sah nya perkahwinan menurut Undang-undang Perkawinan Nomor 1 Tahun 1974 dan Kompilasi Hukum Islam Indonesia.

Manakala di dalam bab empat, pengkaji mengemukakan laporan kajian dan analisis data berdasarkan hasil kajian dan maklumat daripada temu bual dan pemerhatian yang dilakukan mengenai perkahwinan kerana dijodohkan, pelaksanaannya dan kedudukannya serta perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia. Kemudian membuat satu analisis sebagai penjelas terhadap hukum amalan yang dilakukan oleh masyarakat yang berkenaan melalui maklumat yang telah diperolehi.

Akhir sekali dalam bab lima, pengkaji membuat beberapa rumusan terhadap hasil kajian yang dibuat dan seterusnya akan diikuti dengan kesimpulan serta cadangan yang pengkaji rasakan perlu diketengahkan dan diberikan perhatian sewajarnya. Secara keseluruhan kajian ini adalah merangkumi kajian tentang amalan perkahwinan kerana dijodohkan dalam kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.

Umumnya, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat dan menganalisis sejauh mana kefahaman dan pelaksanaan perkahwinan kerana dijodohkan menurut kompilasi hukum Islam Indonesia yang dilakukan oleh masyarakat suku Bugis di lokasi kajian.